

**UNDAN PUTIH**  
Great White Pelican

FAMILI: Pelecanidae  
NAMA SAINTIFIK: *Pelecanus onocrotalus*



**CIRI-CIRI**

Burung ini bersaiz besar dan berwarna putih. Antara ciri unik yang terdapat pada burung ini ialah kehadiran kantung berwarna kuning yang agak besar di bawah paruh. Kakinya berwarna merah jambu manakala bahagian bulu penerbangannya berwarna hitam. Semasa musim pembiakan, bulunya yang berwarna putih akan kelihatan sedikit merah jambu manakala kantung di paruhnya akan berubah menjadi kuning terang. Struktur jambul yang memanjang hingga ke belakang kepala jelas kelihatan selain tompok kuning pada bahagian bawah leher yang berdekatan dengan bahagian dada. Bagi burung juvenil, bahagian kepala, leher dan bahagian atas badan berwarna coklat kekelabuan manakala bahagian sayapnya berwarna coklat gelap. Panjang keseluruhan bagi spesies ini adalah antara 140-175 sm.

**MAKANAN**

Ia memakan ikan sebagai makanan utama.

**HABITAT**

Spesies ini menghuni pelbagai jenis habitat di tanah lembap yang berdekatan dengan pantai dan juga tanah rendah.

**PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah secara berkeloni. Sarangnya sangat ringkas tetapi kukuh dan dibina di atas tanah. Individu betina boleh menghasilkan antara 2-4 biji telur yang berwarna putih gading. Spesies ini mengeluarkan bunyi yang garau dan dalam semasa terbang.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.